

DATE : 3 OKTOBER 2023
PUBLICATION : KOSMO
SECTION : BUSINESS
HEADLINE : ICAP perkenal DRP bantu pelabur
CATEGORY : COMPANY NEWS

Kosmo! SELASA 3 OKTOBER 2023

niagakosmo@mediamulia.com.my

Niaga!

ICAP perkenal DRP bantu pelabur


PETALING JAYA – icapital.biz Berhad (ICAP), satu-satunya dana tertutup tersenarai di Malaysia, memperkenalkan dasar dividen inovatif secara proaktif untuk mengurangkan perbezaan antara harga saham ICAP dan nilai aset bersih (NAB).

Ini adalah salah satu usaha syarikat untuk membawa harga sahamnya kembali diniagakan pada premium, seperti yang dilakukannya semasa tiga tahun pertama ICAP sebagai syarikat tersenarai.

Selain itu, ICAP juga memperkenalkan dasar pelaburan semula dividen (DRP), yang merupakan satu skim yang membolehkan pemegang saham memilih untuk melabur semula dividen mereka dalam saham ICAP yang baharu tanpa perlu membayar kos transaksi yang besar.

Pegawai Lantikan Khas ICAP, Tan Teng Boo berkata, pihaknya telah bekerja keras selama bertahun-tahun dalam perkara ini dan memainkan peranan penting dalam penggubalan dasar dividen yang inovatif ini.

“Majoriti pemegang saham ICAP melabur dalam saham kami untuk peningkatan modal jangka



TAN TENG BOO dalam satu taklimat mengenai perkembangan terbaharu ICAP di Kuala Lumpur baru-baru ini.

panjang.

“Dasar dividen inovatif ini direka khas untuk alasan ini.

“Walaupun prestasi konsisten yang melebihi indeks MSCI Malaysia, sebagai penanda aras, harga saham ICAP telah didagangkan pada harga diskaun kepada NABnya untuk sebahagian besar dalam 18 tahun yang lalu.

“Oleh itu, kami ingin menyelesaikan masalah ini dengan cara yang paling efisien dan berhemat,” katanya dalam kenyataan

di sini semalam.

Teng Boo menerangkan, pelan DRP akan menjadi agenda utama syarikat dan ia juga menunjukkan bahawa syarikat berkeyakinan terhadap prospek pertumbuhan ICAP.

“Jika anda percaya dengan peningkatan modal jangka panjang ICAP, DRP menyediakan saluran yang baik bagi pemegang saham meningkatkan penglibatan mereka dalam ICAP,” ujar beliau.